



NOTIS JUALAN SEBUTHARGA
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN KUANTAN PAHANG
BIL. 2/2025

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat yang mempunyai lesen bagi berniaga barang-barang lusuh yang dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang berminat untuk membeli barang seperti di bawah :

LOT	DEKRIPSI BARANG			KUANTITI	HARGA RIZAB (RM)	DEPOSIT HARGA (RM)	TEMPAT BARANG DISIMPAN
	BIL	JENIS / MODEL	NO. PENDAFTARAN				
1	1	Honda Accord	WNS9763	1 Buah	1,300.00	5% DARIPADA HARGA TAWARAN ATAU RM5,000.00 MANA YANG TERENDAH	STOR PENGUATKUASAAN TG API
	2	Kia Sportage	PEF3222	1 Buah			

2. Kenderaan boleh dilihat pada **28 Mei 2025 hingga 5 Jun 2025 di antara jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari dan 2.30 petang hingga 3.30 petang di Stor Penguatkuasaan Tg Api.**
3. Syarat-syarat dan peraturan sebutharga adalah seperti berikut:
- 3.1. Barang akan dijual tertakluk kepada harga rizab
 - 3.2. Penyebutharga dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 5% daripada harga tawaran tertakluk kepada maksimum RM5,000.00. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk draf bank atau wang pos atau *banker's cheque* atas nama **KETUA PENGARAH KASTAM** dan **pembayaran dibuat di kaunter Juruwang Stesen Kuantan JKDM Pahang sahaja. Resit asal dan penyata bank syarikat yang telah disahkan hendaklah dikepilkan bersama-sama borang tawaran sebutharga** yang dimasukkan ke dalam sampul sebelum dimasukkan ke dalam peti tawaran sebutharga.
 - 3.3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan
 - 3.4. Semua barang adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is basis).
 - 3.5. JKDM tidak bertanggungjawab ke atas barang yang telah dijual.
 - 3.6. Semua perbelanjaan berkaitan penyebuthargaan barang seperti kos memotong / meleraikan (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh penyebutharga sendiri.

- 3.7. Penyebutharga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh 7 hari dari tarikh notis pemakluman berjaya dalam sebutharga. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga akan dilucuthak.
- 3.8. Penyebutharga yang berjaya hendaklah mengambil barang dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat akan dilucuthak.
- 3.9. Chasis Kenderaan hendaklah dipotong di pejabat Kastam dan disaksikan oleh Pegawai Kastam. Semua kos-kos yang terlibat termasuk kos pembersihan selepas itu hendaklah ditanggung oleh penyebutharga yang berjaya.
- 3.10. Kenderaan usang yang dijual sama sekali tidak boleh didaftarkan semula dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan tidak boleh digunakan di atas jalanraya.
- 3.11. Setiap sebut harga untuk barang lusuh wajib disertakan dokumen seperti berikut:-
- (a) Salinan Lesen Perniagaan (SSM)
 - (b) Salinan Sijil Pendaftaran dan Permit Membeli atau menjual besi buruk dari pihak Polis DiRaja Malaysia yang masih sah tempohnya hendaklah dikemukakan semasa penyerahan dokumen tawaran tersebut.
- 3.12. Penyebutharga yang berminat menyertai tawaran sebutharga hendaklah menggunakan Borang Menyertai Sebutharga (LAMPIRAN C) yang boleh diperolehi di alamat seperti perenggan Para 3.13. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
- 3.13. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat yang bertulis "**SEBUTHARGA KENDERAAN LUCUTHAK KASTAM**" dan ditanda **No.Sebutharga Kuantan Bil. 2/2025** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN
WISMA KASTAM, JALAN BANK
25700 KUANTAN PAHANG

4. Tarikh tutup sebutharga pada **10 Jun 2025 jam 12.30 tengahari**. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

Sekian terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(**MOHD ASRI BIN SEMAN**)
Pengarah Kastam Negeri
Pahang

Tarikh : 27.5.2025
Cop :

